



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	9/4/2014

Syor wujud Indeks Maqasid Syariah Antarabangsa

BH - 9/4/2014

» Rintis usaha
jadikan
Malaysia
negara Islam
contoh: Najib

Oleh Fairuz Zaidan
fairuzaidan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak mencadangkan supaya Malaysia merintis penubuhan Indeks Maqasid Syariah Antarabangsa bagi mengukur komitmen dalam negara Islam.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin konsep itu dapat dilaksanakan di Malaysia, seterusnya menjadikan negara ini sebagai negara Islam contoh pada peringkat antarabangsa.

"Jika ini dapat dilakukan,

Indeks Maqasid Syariah di Malaysia akan berada di tahap yang boleh dibanggakan.

"Lantaran itu, saya menyifatkan pendekatan wasatiyyah ini sangat tepat dan kena pada masanya. Apa yang ingin kita terapkan melalui pendekatan wasatiyyah ini adalah nilai-nilai murni, antaranya aspek kesederhanaan, keseimbangan dan keadilan," katanya.

Beliau berkata demikian pada perasmian Seminar Antarabangsa: Penghayatan Wasatiyyah Dalam Kerangka Maqasid Syariah, di Dewan Grand Ballroom, Menara Felda di sini, di sini malam tadi.

Turut hadir, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdullah Md Zin, merangkap Pengerusi Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) dan Pengerusi FELDA, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Najib turut mengharapkan seminar yang dianjurkan itu mampu memberi banyak jawapan kepada persoalan, isu

dan masalah kontemporari yang berkaitan dengan pemahaman wasatiyyah di dalam ruang lingkup maqasid syariah.

Perluas konsep wasatiyyah
Beliau berkata, gelombang

“
Saya menyifatkan pendekatan wasatiyyah ini sangat tepat dan kena pada masanya. Apa yang ingin kita terapkan melalui pendekatan wasatiyyah ini adalah nilai murni, antaranya aspek kesederhanaan, keseimbangan dan keadilan”

Najib Razak,
Perdana Menteri

konsep wasatiyyah sewajarnya diperjelas dan diperluaskan sehingga ke peringkat akar umbi yang disampaikan menggunakan pelbagai kaedah termasuk gelombang media baharu untuk menarik penyertaan generasi muda.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut melancarkan buku terbitan Institut Wasatiyyah Malaysia dan Persatuan Generasi Bestari.

Seminar antarabangsa itu berlangsung tiga hari bermula semalam yang turut menampilkan 10 pembentang kertas kerja dari dalam dan luar negara.

Antaranya termasuk Pengarah Pusat Wasatiyyah Islam dan Pembaharuan Al-Qaradhawi, Qatar, Prof Dr Muhammad Khalifa Hasan Ahmad Khalifa; Ketua Hakim Syarie Jordan, Imam Hadrach Hasyimiah; Penasihat Agama Raja Jordan dan Mantan Menteri Hal Ehwal Agama Jordan, Prof Dr Ahmad Mohammad Hlayyel Hlayyel.